

## SMK SUNGAI KAPAR INDAH

### PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2013

#### BAHASA MELAYU (KERTAS 2)

##### SKEMA JAWAPAN

##### SOALAN 1 (Rumusan)

Pendahuluan: Petikan membincangkan cara-cara/usaha-usaha menggalakkan pendermaan organ  
.....

Isi-isi tersurat:

1. Kementerian Kesihatan Malaysia melancarkan promosi Penderma Organ.
2. Jawatankuasa Transplantasi Pendermaan Organ Kebangsaan ditubuhkan
3. Promosi pendermaan organ diadakan untuk memberikan pengetahuan kepada masyarakat agar menderma organ secara ikhlas dan sukarela.
4. Akhbar Utusan Malaysia menjalankan kempen bagi mendapatkan penderma jantung.
5. Jawatankuasa Kecil Pendidikan Awam Pendermaan Organ memainkan peranan dengan menyebarkan pengetahuan dan isu-isu berkaitan dengan pendermaan organ
6. Individu yang berumur kurang 18 tahun perlu mendapatkan kebenaran ibu bapa sebelum mendaftar untuk menderma organ
7. semua hospital kerajaan dan swasta mempunyai pusat transplant organ
8. penderma organ diberi kad yang menandakan bahawa seseorang itu penderma organ
9. sesiapa ingin menderma boleh mendaftar secara talian dengan NRTC melalui laman web yang disediakan
10. mereka yang mendaftar dikehendaki memaklumkan kepada ahli keluarga tentang hasrat mereka.

Isi-isi tersirat

1. organ diserang penyakit berbahaya
2. organ rosak akibat kemalangan
3. kerosakan organ kerana factor pemakanan yang tidak seimbang
4. mengamalkan tabiat merokok, minum alcohol dan penagihan dadah
5. kerosakan organ kerana factor keturunan atau genetik
6. (mana-mana isi relevan yang lain juga diterima) \*

Kesimpulan: Kesimpulannya, semua pihak hendaklah mendaftar sebagai penderma organ supaya dapat membolehkan kehidupan yang baharu kepada pesakit yang memerlukan bantuan

##### SOALAN 2 (a)

- i. ....suatu perkara yang menyeluruh/melibatkan peringkat antarabangsa/hal antarabangsa
- ii. - memberikan nafas baharu kepada pesakit yang memerlukan  
- dapat menyelamatkan nyawa orang yang menunggu saat kematian  
- mewujudkan perasaan kasih sayang antara keluarga penderma dengan penerima organ
- iii. - tidak mempunyai kesedaran tentang kepentingan menderma organ  
- tanggapan yang salah tentang hukum menderma organ dalam agama

- tidak mempunyai perasaan kasih sayang dan belas kasihan
- perasaan takut atau bimbang untuk menderma organ
- mana-mana isi relevan yg lain juga diterima\*

#### SOALAN 2 (b)

- tidak mahu isterinya bergaul dengan orang miskin  
- tidak mahu orang kampung mengadukan masalah mereka kepada Intan Siti Rahimah
- menyebabkan masyarakat berpuak-puak  
- harta dan kekayaan yang diperoleh tidak dapat dikongsi bersama-sama  
- gagasan kerajaan untuk mewujudkan masyarakat penyayang tidak tercapai  
- mana-mana isi yang relevan juga diterima\*
- nilai kemanusiaan dalam petika:  
- keprihatinan (Intan Siti Rahimah prihatin terhadap masalah orang kampung)  
Nilai kemanusiaan dalam keseluruhan drama:  
- keinsafan (Pak Tuan Dolah akhirnya sedar akan kesalahannya terhadap penduduk kampung, ibunya dan Tuhan.

#### SOALAN 2 (C)

- maksud-semua yang berkaitan dengan kejadian yang berlaku
- kisah orang yang bijaksana adalah tentang harta banyak yg diperolehnya.  
- dapat menghilangkan nama yang buruk  
- nama yang baik juga diperoleh yang akan disebut orang dari dunia dating ke akhirat.
- menjaga maruah diri untuk menimbulkan kepercayaan dan pengormatan  
- menjaga maruah suami dan keluarga  
- sentiasa taat dan patuh kepada kata-kata dan nasihat suami  
- mana-mana yg relevan juga diterima\*

#### SOALAN 2 (d)

- Penyajak ingin menjelajah ke seluruh dunia untuk mengeratkan hubungan sesama manusia dan berkongsi cita-cita yang sama.*
- perpaduan dapat diwujudkan tanpa mengira apa jua fahaman dan warna kulit kerana semua manusia adalah sama  
- ekonomi sesebuah negara akan maju melalui kerjasama yang padu dengan semua manusia  
- keamanan dan kestabilan negara terjamin  
- Negara akan aman dan harmoni

iii.

*Antara nilai murni ialah kerajinan, contohnya penyair rajin merantau di negara-negara luar seperti London dan Beirut untuk meluaskan pengalaman. Seterusnya keberanian, contohnya penyair berani ke mana-mana sahaja di seluruh dunia kerana baginya semua manusia adalah sama. Akhir sekali semangat bermasyarakat, contohnya penyair mahu semua bangsa bersatu padu dengan mengamalkan sikap bermasyarakat dalam kalangan penduduk dunia jika ingin mewujudkan keamanan sejagat.*

SOALAN 3 (a)

- i. memikul- membawa barang dengan galas di bahu, mengandar, menggalas  
cth: Pak Mail memikul seguni beras yang di beli di kedai.
- ii. mengeiek- mengangkat (membawa) di bawah ketiak, mengepit  
cth; Pelakon drama klasik itu bernyanyi sambil mengelek buyung air
- iii. mengangkat- menggerakakan ke atas, menaikkan, meninggikan  
cth: Pelajar mengangkat tangan untuk menjawab soalan cikgu
- iv. menjinjing- membawa sesuatu dengan tangan terhulur ke bawah, menjinjit,  
membimbit  
cth: Ibu menjinjing semua plastik barangan yang dibelinya di kedai tadi.
- v. menjunjung- membawa sesuatu di atas kepala  
cth: Perempuan tua itu menjunjung bakul yang berisi padi
- vi. menggendong- mendukung (di belakang, di pinggang)  
cth: Ayah terpaksa menggendong adik kerana kaki adik terseliuh

SOALAN 3 (b)

Zahid : Mengapa kamu kelihatan muram Rajesh?

Rajesh: Saya sedih kerana tidak dapat menyertai rombongan sekolah ke Melaka

Zahid : Mengapa kamu tidak dapat menyertai rombongan ke tersebut?

Rajesh: Ibu saya tidak mampu menyediakan tambang bas

Zahid : Oh, kasihan awak! Kamu boleh pinjam wang daripada saya

Rajesh: Terima kasih Zahid kerana sudi membantu saya tetapi saya tidak mahu berhutang

SOALAN 3 (c)

- i. membiar----terbiar  
stesyen----stesen
- ii. Kebanyakan----kebanyakan  
teknoloji----teknologi
- ii silaturrahim---silaturahim  
bilangan----berbilang

SOALAN 3 (d)

- i. kenyal---kental  
saling hormat-meghormati----saling menghormati/ hormat menghormati
- ii berbagai---berbagai-bagai  
dibentangkan----dihidangkan
- iii. perasa----pengawet  
semoga---untuk

SALAN 3 (e)

- i. pelanduk dua serupa
- ii. belakang parang kalau diasah lagiakan tajam
- iii. Indah khabar daripada rupa

SOALAN 4(a)

NILAI BAIK HATI	
Novel Papa	Novel Konserto Terakhir
<p>1. Julia bersikap baik hati terhadap kawan-kawannya</p> <p>Cth: Tindakan Julia meminjamkan nota Geografinya kepada kawan-kawannya sekelasnya. Namun begitu, perbuatan Julia tidak disenangi oleh mamanya</p>	<p>Hayati bersikap baik hati terhadap Helmi.</p> <p>Cth: Hayati menghantar makanan ke bilik Helmi kerana Helmi telah dilarang oleh Datin Salamah untuk makan. Hayati berusaha memujuk Helmi untuk makan kerana tidak mahu Helmi sakit.</p>
<p>2. Jefri bersikap baik hati terhadapsepupunya iaitu Mak Cik Noraini</p> <p>Cth: Setelah Mak Cik Noraini terlibat dalam kemalangan jalan raya yang mengorbankan suami dan anaknya, Jefri telah mempelawa Mak Cik Noraini tinggal bersama isteri dan anaknya.</p>	<p>Encik Bakar bersikap baik hati terhadap Helmi</p> <p>Cth: Encik Bakar bersikap baik terhadap Helmi dengan melayan dan mengajar Helmi bermain muzik sehingga Helmi berjaya menjadi pemuzik terkenal tanya mengenakan bayaran.</p>
Mana-mana yang relevan juga diterima*	

SOALAN 4 (b)

Unsur saspens dan pengarang menyelesaikannya	
Novel Papa	Novel Konserto Terakhir
<p>1</p> <p>(b) ... dua situasi saspens dan cara penyelesaiannya.</p> <p>... Pembaca tertanya-tanya akan nasib yang akan menimpa Intan Maliana setelah doktor memaklumkan bahawa Intan Maliana perlu menjalani satu pembedahan kerana ada komplikasi terhadap kandungannya. Perasaan saspens terus menyelubungi pembaca apabila pembedahan tersebut masih tidak selesai walaupun sudah tiga jam berlalu. Pengarang menyelesaikan teknik saspens ini dengan menampilkan watak doktor yang membedah Intan Maliana. Menurut doktor tersebut, bayi kembar yang dilahirkan oleh Intan Maliana tidak dapat diselamatkan manakala Intan Maliana pula mengalami koma</p>	<p>Helmi tiba-tiba tidak muncul untuk pertunjukan orkestra, sedangkan sepatutnya dia yang bertanggungjawab memimpin persembahan orkestra tersebut. Hal ini membuatkan penonton di majlis itu tertanya-tanya ke mana hilangnya Helmi</p> <p>Pengarang menyelesaikannya melalui watak Hayati yang tiba-tiba muncul menggantikan tempat Helmi untuk memimpin persembahan tersebut</p>
<p>... Perasaan pembaca menjadi cemas apabila Intan Maliana yang baru sedar daripada koma dengan tidak semena-mena telah mendengar. Intan Maliana bertindak meleraikan tangannya dengan kasar daripada pegangan Jefri. Suasana menjadi semakin cemas dan bertambah saspens apabila dada Intan Maliana bergoncang dengan kencang. Pengarang meleraikan situasi saspens tersebut dengan peristiwa Intan Maliana meninggal dunia.</p>	<p>Helmi jatuh sakit dan terpaksa dikejarkan ke hospital. Semasa di hospital keadaan Helmi semakin tenat. Muncul pula pada masa yang sama ayahnya dari kampung dan menceritakan siapa sebenarnya ayah kepada Helmi.</p> <p>Pengarang menyelesaikan unsur-unsur saspens ini apabila Helmi disahkan meninggal dunia oleh doctor dan semua</p>

Mana-mana isi yang relevan diterima <sup>Datuk</sup>